

Serahan Jubah, Transkrip & Skrol

Oleh: Gregory Hoindi & Roziah Awang



Tempat : Bilik Seminar HEP,

Aras 1 Bangunan Anjung Siswa, HEP

Tarikh : 09-15 Oktober 2010

Masa : 08.00 pagi hingga 5.00 petang



Penyerahan jubah, transkrip dan skrol pada Majlis Konvokesyen Ke-12 pada tahun 2010 berjalan dengan lancar berbanding pada tahun sebelumnya. Sistem penyelarasan hutang pelajar "MyHutang" yang dibangunkan oleh sekumpulan Pegawai Teknologi Maklumat yang diketuai oleh En. Jurin Liyun diperkenalkan pada konvokesyen kali ini telah banyak membantu melancarkan proses serahan skrol dan transkrip. Melalui sistem ini pelajar tidak perlu beratur panjang dan menunggu lama untuk membuat semakan hutang di kaunter-kaunter Bendahari, Perpustakaan, Asrama (HEP) dan keselamatan kerana semakan boleh dibuat secara "on-line" seterusnya melunaskan tunggakan mereka sebelum majlis konvokesyen berlangsung.

Tindakan serta merta telah dapat diambil bagi aduan pembetulan dan permohonan transkrip tambahan berikutan penambahbaikan yang telah dibuat melalui Kaunter Semakan dan Aduan yang menempatkan pegawai-pegawai berkaitan untuk membuat semakan, pengesahan dan pembetulan pada masa tersebut.

